



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN
ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH DI PUSAT
PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API
JBPM/PS/18**

Disediakan Oleh:

TPjB Dato' Rusmani Bin
Muhamad
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan
Kebakaran

Tarikh : 30.06.2016

Diluluskan Oleh:

Dato' Hj Soiman Bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 18.07.2016

NO. KELUARAN/PINDAAN: 06

TARIKH: 18.07.2016

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH JBPM/PS/18

MUKA SURAT : 2 | 8
TARIKH : 18.07.2016

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1	02	29.9.2004	Keseluruhan prosedur JBPM/PS/18	Pindaan dibuat berdasarkan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan pada 2.6.2004
2	03	26.5.2005	Muka surat 4/11, 4/11, 8/11, Lampiran 6,	Pindaan dibuat berdasarkan Audit Pematuhan oleh MAMPU pada 28.02.2005 – 14.05.2005
3	04	18.4.2007	Muka surat 9/11,10/11	Pindaan dibuat berdasarkan Mesyuarat Pindaan Dokumen MS ISO Bilangan 1/2007 pada 29.1.2007
4	05	18.05.2010	Keseluruhan prosedur JBPM/PS/18	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan
5	06	30.06.2016	Keseluruhan prosedur JBPM/PS/18	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penukaran sistem dari manual ke sistem secara atas talian (<i>online</i>)



**PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN
ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH
JBPM/PS/18**

MUKA SURAT : 3 | 8
TARIKH : 18.07.2016

1. OBJEKTIF

Untuk menentukan Alat Pemadam Api Mudahalih (APA) berfungsi dalam keadaan baik semasa **pemeriksaan** dan boleh digunakan dalam tempoh masa **pengesahan**.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh semua Negeri, Zon dan Balai-Balai Bomba yang telah dilantik sebagai Pusat Pemeriksaan Alat Pemadam Api seluruh Malaysia untuk pengeluaran **pelekat barkod (Barcode Sticker)** selepas pemeriksaan APA yang baru dan pembaharuan yang mana APA perlu diselenggarakan setiap tahun.

3. RUJUKAN

- 3.1 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)
- 3.2 Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984)
- 3.3 Perintah Tetap Jabatan Bilangan 6 Tahun 2013.
- 3.4 Arahan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2012.
- 3.5 Arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran.
- 3.6 Lain-lain piawaian yang diterimapakai oleh Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia seperti *Malaysian Standard 1539*, *British Standard*, *National Fire Protection Association*, *Australian Standard* dan lain-lain.



4. DEFINISI

- 4.1 **Alat Pemadam Api Mudah Alih (APA):** Bermakna alat pemadaman yang direkabentuk dengan kandungan beratnya tidak melebihi 20kg dan boleh beroperasi secara manual oleh mana-mana individu.
- 4.2 **Kontraktor APA:** Kontraktor yang mempunyai kelayakan minima yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan berdaftar di dalam sistem eFEIS.
- 4.3 **Pegawai Pemeriksa:** Pegawai yang diberikuasa oleh Pengarah Bomba Negeri untuk menjalankan kerja – kerja memeriksa dan mengesahkan Alat Pemadam Api Mudahalih
- 4.4 **Pemeriksaan:** Memeriksa keadaan fizikal sesuatu Unit APA secara menyeluruh di bahagian luaran sahaja
- 4.5 **Pengesahan:** Pengeluaran pelekot barkod bagi sesuatu unit APA berpandukan kepada pemeriksaan luaran sahaja dan tidak termasuk keadaan kandungan dalaman
- 4.6 **Pusat Pemeriksaan Alat Pemadam Api (PPAPA):** Balai Bomba dan Penyelamat atau pejabat zon yang terpilih untuk melaksanakan pemeriksaan dan pengesahan APA.
- 4.7 **Batch Number :** Nombor kumpulan senarai alat pemadam api yang mengandungi 30 unit setiap kumpulan.

5. SINGKATAN

- 5.1 APA - Alat Pemadam Api Mudah Alih
- 5.2 KA - Kontraktor APA
- 5.3 PP - Pegawai Pemeriksa
- 5.4 PPAPA - Pusat Pemeriksaan Alat Pemadam Api



6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Permohonan Pengesahan Alat Pemadam Api Mudahalih	PP
6.1.1	Terima permohonan pemeriksaan Alat Pemadam Api dari KA secara atas talian.	
6.2	Semakan Maklumat Alat Pemadam Api Mudahalih.	PP
6.2.1	Pegawai pemeriksa membuat semakan maklumat APA untuk menentukan perkara-perkara berikut secara atas talian :	
6.2.1.1	Semakan resit pembayaran.	
6.2.1.2	Semakan <i>batch number</i> mengikut tarikh yang telah ditempah oleh KA.	
6.2.1.3	Menyemak jumlah APA yang perlu diperiksa mengikut tarikh yang telah ditempah oleh KA.	
6.2.1.4	Pemeriksaan APA terhad kepada lokasi APA di dalam kawasan/zon yang ditetapkan. Tetapi APA berstatus baru boleh mendapatkan pengesahan di mana-mana PPAPA di seluruh Malaysia.	
6.2.2	Pengesahan Semakan APA hanya dilaksanakan pada yang telah mematuhi perkara 6.2.1 sahaja.	
6.2.3	Mana-mana Alat Pemadam Api Mudahalih tidak mematuhi perkara 6.2.1 (6.2.1.1 hingga 6.2.1.4) akan dikembalikan semula kepada KA.	
6.3	Pemeriksaan Alat Pemadam Api Menggunakan Sistem eFEIS	PP
6.3.1	Nombor Siri APA : Pastikan nombor siri APA yang diperiksa sama seperti yang didaftarkan. semak label, semak nombor siri tabung APA, semak bulan & tahun diperbuat dan jenis APA.	



**PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN
ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH
JBPM/PS/18**

MUKA SURAT : 6 | 8
TARIKH : 18.07.2016

	Jenis APA yang boleh didaftarkan: • Debu kering (<i>dry powder</i>) - Y • Karbon dioksida (<i>Co₂</i>) - Z • Air (<i>water</i>) - Y • Buih (<i>foam</i>) - Y	
6.3.2	Hose : Pastikan hos berada dalam keadaan baik. Hose tidak pecah, tidak rosak, tidak merekah, tiada halangan di dalamnya dan boleh dihalakan dengan mudah.	
6.3.3	Pressure Gauge : Pastikan APA mempunyai tekanan di dalamnya. Periksa kedudukan jarum tolok pada zon warna hijau bagi APA jenis debu kering, air dan buih. APA jenis karbon dioksida tidak mempunyai <i>pressure gauge</i> .	
6.3.4	PC (physical condition) : Pastikan APA berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Tiada kekaratan, tiada kesan kemek, tiada perubahan fizikal, warna tabung APA tidak berubah, mempunyai label dan ada <i>safety pin</i> dan <i>clip</i> .	
6.3.5	Weight : Timbang APA dan pastikan mengikut berat yang tertulis pada tabung APA. Tentukan berat APA, semak berat pada tabung APA samada ianya sama atau tidak dengan bacaan pada penimbang.	
6.3.6	SIRIM : Periksa tabung APA dan pastikan ada cop SIRIM (logo).	
6.3.7	Maintenance Label : Periksa Rekod Penyelenggaraan (<i>Maintenance record</i>). Tentukan jenis penyelenggaraan yang dibuat dan terdapat pengesahan <i>competent person</i> dan kontraktor.	
6.3.8	Location : Semak lokasi APA dan pastikan ianya lengkap mengikut format pendaftaran.	
6.3.9	Membuat pemeriksaan ke atas setiap APA dan membuat pengesahan dengan klik P (<i>pass</i>) atau F (<i>fail</i>) setiap butiran tersebut bagi mengesahkan setiap APA yang diperiksa samada ianya lulus atau gagal.	



**PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN
ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH
JBPM/PS/18**

MUKA SURAT : 7 | 8
TARIKH : 18.07.2016

	6.3.10 Mencatatkan butiran mengenai sebab-sebab bagi APA yang gagal semasa pemeriksaan pada ruangan yang ditetapkan pada laporan pemeriksaan secara atas talian. 6.3.11 APA yang tidak mematuhi semua syarat-syarat para 6.3.1 hingga 6.3.8 hendaklah dikategorikan sebagai gagal dan dikembalikan kepada KA untuk diselenggara dan dibuat tempahan dan bayaran semula secara atas talian. 6.3.12 Pegawai Pemeriksa klik butang N/A (<i>not available</i>) bagi APA yang telah ditempah tetapi KA tidak bawa untuk pemeriksaan. KA perlu membuat tempahan dan bayaran semula.	
6.4	Ujian Prestasi APA	
	6.4.1 Ujian pancutan dibuat ke atas APA semasa pemeriksaan.	PP
	6.4.2 Ujian ini dibuat secara rawak ke atas sejumlah APA yang dibawa oleh pihak kontraktor untuk pemeriksaan dengan kadar 10% daripada jumlah APA.	PP
	6.4.3 APA yang telah dibuat ujian prestasi perlu dibuat isian semula oleh pihak kontraktor tanpa perlu menjalani pemeriksaan semula.	KA
	6.4.4 Segala kos berkaitan ujian prestasi hendaklah ditanggung oleh pihak kontraktor APA.	KA
6.5	PELEKAT BARKOD PADA APA	
	6.5.1 Bagi APA yang lulus semua pemeriksaan, pelekat barkod akan dicetak dan diserahkan kepada kontraktor.	PP
	6.5.2 Pelekat barkod hendaklah ditampal pada setiap APA yang lulus mengikut nombor siri APA di PPAPA.	KA
	6.5.3 Pelekat barkod yang ditampal tidak boleh menutupi label APA dan juga <i>maintenance lable</i>	KA



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN DAN PENGESAHAN ALAT PEMADAM API MUDAH ALIH JBPM/PS/18

MUKA SURAT : 8 | 8
TARIKH : 18.07.2016

	6.5.4	Pegawai Pemeriksa hendaklah memantau kerja-kerja penampalan pelekat barkod oleh KA bagi mengelak kesilapan.	PP
--	-------	---	----

7. REKOD KUALITI

BIL.	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN
7.1	Pengkalan data (<i>database</i>)	efeis.bomba.gov.my	5 tahun

8. LAMPIRAN

8.1 Carta Aliran Pemeriksaan dan Pengesahan
Alat Pemadam Api Mudahalih

Lampiran 1

LAMPIRAN 1

Carta Aliran Pemeriksaan dan Pengesahan Alat Pemadam Api Mudahalaih di Pusat Pemeriksaan Alat Pemadam Api

